


Alim Ulama dalam Zaman Modern

(Oleh: Rahim Khairi, Baru Pahat Johor)

Sesuai dengan agama Islam yang telah dirasmikan di negara kita Persekutuan Tanah Melayu maka penulis berseru kepada alim ulama cudik¹ pandai yang sedar dan insaf dan alim ulama yang masih belum lagi sedar, bangunlah segera menunaikan tanggungjawab dan kewajipan tuan-tuan sebagai ‘ulamā’ warithah al-anbiyā’. Alim ulama cudik² pandai ialah lambang negara yang istimewa. Maju mundurnya sesebuah negara adalah dapat dipandang dari sikap ahli cerdik pandai yang memegang teraju pemerintahan. Dalam segi agama pula alim ulama dan cerdik pandai sudah tidak asing lagi mendapat penghormatan yang amat tinggi.

Alim ulama ialah orang yang mendokong agama Allah selepas wafatnya Junjungan kita Nabi Muhammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Nabi sendiri yang memberikan pangkat tersebut kepada mereka dengan sabdanya: “al-‘ulama’ warithat al-anbiyā” (alim ulama ialah orang yang menerima pusaka nabi-nabi). Dengan berpandukan sabda tersebut sudah selayaknya kita mengatakan bahawa orang yang sangat diharap untuk menyambung kembali perjuangan Nabi dan orang diharap untuk mengikut jejak langkah baginda bagi menegakkan dan mempertahankan agama Allah ialah alim ulama.

Oleh yang demikian bagi menyuaikan diri sebagai pendukung agama Allah dan penerima pangkat sebagai *warithah al-anbiyā'*, maka alim ulama hendaklah betul-betul bersifat tegas, dan benar pada setiap perjurangan³. Kalau Nabi diutuskan Tuhan untuk melenyap dan membebaskan segala iktikad manusia yang salah dan sesat dalam zaman



Jahiliyah supaya mereka menyembah dan mengesakan Allah, dan memberikan didikan rohani dan jasmani kepada manusia, serta berjuang memerangi segala khurafat yang karut, maka di atas dasar dan landasan inilah pula dikehendaki alim ulama menjalaninya.

Sebagai faktor yang terbesar dan yang terpenting mesti dipegang oleh alim ulama ialah menyuruh mengerjakan perkara yang disuruh (benar) dal⁴ menegah daripada perkara yang ditegah (salah). Alim ulama hendaklah betul-betul berjiwa berani dan tegak di dalam memperjuang dan memperkatakan sesuatu pukara⁵ yang benar. Demikian juga terhadap perkara yang salah mestilah disingkir dan dihapuskan dari masyarakat dengan benar-benar seorang itu berpegang kepada tanggungjawab sebagai *warithah al-anbiyā'*.

¹ Perkataan sebenar ialah cerdik

² Ibid

³ Perkataan sebenar ialah perjuangan.

⁴ Perkataan sebenar ialah dan

⁵ Perkataan sebenar ialah perkara

Alim ulama hendaklah mensifatkan diri masing-masing sebagai pahlawan-pahlawan yang mengendalikan angkatan tentera untuk mengalahkan puak-puak yang menentang dan yang telah membuat anaya dan zalim kepada manusia. Sekiranya alim ulama tidak benar-benar bersifat berani dan tegas dalam perjuangan maka sudah tentu mengendalinya sebagai pahlawan jaguh agama tak dapat dijalankan sebagaimana yang semestinya. Lebih-lebih lagi alim ulama yang pada zaman serba modern ini telah banyak melihat kelahiran perkara yang sangat menjolok mata dan yang terang-terang melanggar had dan batasan undang-undang agama, maka sudah pasti persediaan alim ulama untuk menegakkan kebenaran dan menentang perkara-perkara ini berhajatkan kepada sifat berani dan tegas. Persediaan untuk menentang perkara ini rasanya tidak cukup dengan cakap dan kata-kata sahaja bahkan perlu kepada segenap tenaga, kalau perlu nyawa juga untuk menegakkan kebenaran yang diredaya oleh Allah '*Azza wa Jalla*. Kalau kiranya Nabi-nabi dan Rasul-rasul yang dahulu diutamakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta 'ālā* ke alam jagat ini untuk melenyapkan segala iktikad manusia yang salah dan sesat, mereka sanggup bermati-matian kerana menegakkan kebenaran dan berjuang memerangi pengikut-pengikut iktikad yang sesat itu, maka mengapa dan kenapa pula alim ulama sebagai orang yang menerima pusaka Nabi-nabi pada hari ini tidak sanggup menentang segala perkara yang terang-terang menyalahi dan melanggar tata tertib agama?? Padahal Nabi telah pun bersabda yang bermaksud "Barang siapa melihat akan perkara yang munkar hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, kalau tidak sanggup dengan tangan maka ubahlah dengan lidah, kiranya tidak sanggup juga maka ubahlah dengan hati,

dan yang demikian itu ialah selemah-lemah iman."

Adakah alim ulama hari ini sudah jatuh kepada martabat yang ketiga? Kalau tidak, mengapa dan kenapa tidak ditunaikan perintah agama yang tersebut?

Sekian, *Wa bi-Llah al-Tawfiq.*

--oOo--



Saudara Aziz Muhammad, pelajar Maktab Perguruan

Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, bergambar dengan piala kemenangannya setelah berjaya menjadi johan membaca Qur'an di antara maktab-maktab termasuk Universiti Malaya, yang diadakan baharu-baharu ini di Maktab Perguruan Bahasa, Pantai Valley. Pertandingan membaca Qur'an ini dianjurkan oleh Jabatan Agama dan Akhlak Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur.

* * *